

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN PERDANA MENTERI

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 30 AUG 1992

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan -- Hari Kemerdekaan negara kita.

2. Negara kita kini genap 35 tahun merdeka dan rakyat Malaysia mempunyai sebab untuk merasa bangga, gembira dan bersyukur. Kita gembira dan bersyukur kerana pada hari ini Malaysia adalah antara sebilangan kecil negara di dunia yang terus aman, damai, stabil dan makmur. Kita boleh berbangga bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini telah dapat hidup bersatupadu, bersefahaman, saling hormat menghormati dan berharmoni. Kita sungguh bernasib baik kerana kita tidak menghadapi masalah persengketaan kaum atau agama seperti yang berlaku di sesetengah negara yang menyebabkan banyak nyawa terkorban dan merosakkan harta benda. Kita juga tidak menghadapi kebuluran, penindasan dan peperangan.

3. Keadaan aman dan damai ini telah membolehkan kita semua menjalankan urusan harian kita dalam keadaan tenang dan tenteram. Rakyat di negara ini juga dapat mengerjakan amal ibadat tanpa gangguan.

4. Di samping mempunyai kestabilan politik, ekonomi Malaysia kukuh dan tumbuh dengan pesat. Hasil daripada pengurusan ekonomi yang teratur Malaysia kini berjaya mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi. Kadar pertumbuhan ini dijangka akan terus tinggi pada tahun ini. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang semakin tinggi. Hasil Kerajaan adalah mencukupi untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur untuk rakyat dan keperluan industri yang pesat membangun.

5. Malaysia juga mempunyai kadar pengangguran yang amat rendah. Kita juga telah berjaya menstabilkan harga barang-barang. Selain daripada itu kita juga telah dapat mengurangkan kemiskinan. Rakyat, terutama yang di luar bandar, yang dahulunya tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan api, jalan, sekolah dan klinik, kini telahpun disediakan dengan kemudahan-kemudahan ini.

6. Kita juga boleh berbangga kerana mempunyai mutu pendidikan yang tinggi dan jentera pentadbiran yang cekap. Pada hari ini setiap kanak-kanak Malaysia berpeluang mendapat pendidikan yang setinggi-tingginya hingga ke peringkat post-graduate. Ramai penuntut di universiti-universiti hari ini terdiri daripada mereka dari luar bandar. Jentera pentadbiran negara pula boleh dibandingkan dengan negara-negara maju. Kita telah berjaya membangun dan memajukan negara ini dengan pesat kerana adanya pentadbiran yang sensitif terhadap kepentingan rakyat.

7. Inilah kelebihan dan kejayaan negara Malaysia. Semasa kita mencapai kemerdekaan 35 tahun dahulu ramai yang meramalkan negara kita akan hancur kerana penduduknya berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Kini Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa penduduk yang berbeza kaum tidak menghalang sesebuah negara itu mencapai kemajuan dan kejayaan. Sebaliknya jika rakyatnya rajin, berdisiplin, dan saling hormat menghormati, negara majmuk boleh mencapai mercu kejayaan dan kecemerlangan.

8. Walaupun negara telah mencapai banyak kemajuan dan kejayaan dalam tempoh 35 tahun yang lalu, kita perlu berhati-hati dan terus berusaha bersungguh-sungguh. Kerajaan telahpun menggariskan satu wawasan sebagai matlamat usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Oleh itu tema perayaan tahun ini "Wawasan Asas Kemajuan" adalah tepat sekali dan selaras dengan matlamat yang hendak kita tuju menjelang tahun 2020.

9. Sebagai sebuah negara yang telah merdeka kita perlu menjaga maruah dan kedaulatan negara kita. Negara yang miskin bukan sahaja membebankan rakyatnya, tetapi juga kurang dihormati. Negara yang miskin juga tidak berupaya untuk bertindak dengan bebas kerana terpaksa bergantung kepada bantuan dan belas kasihan orang lain. Jika kita tidak mengorak langkah ke hadapan mulai sekarang, kita akan kekal sebagai negara miskin. Jika ini berlaku keadaan yang malang yang kini menimpa beberapa negara akan berlaku ke atas negara kita. Jika ini berlaku kemerdekaan negara yang selama ini kita banggakan tidak akan bermakna. Apakah ertinya kemerdekaan jika kerana kita lemah dan miskin kita tidak berupaya mempertahankan perkara yang benar? Apakah gunanya negara merdeka jika rakyatnya hidup menderita serta merata dan sentiasa bergantung kepada belas kasihan orang lain? Untuk menjaga maruah dan kedaulatan kita sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka, maka kita perlu menjadikan Malaysia sebuah negara yang setaraf dengan negara-negara yang maju.

10. Jalan yang hendak kita tuju menjelang tahun 2020 pasti tidak mudah dan akan dipenuhi dengan berbagai-bagai cabaran. Setiap langkah yang kita ambil akan dihalangi dengan beraneka jenis rintangan.

11. Namun demikian kita harus yakinkan diri akan kemampuan kita mencapai matlamat Wawasan 2020. Ini adalah kerana

sejak kita merdeka kita dapat mengatasi banyak masalah dan rintangan dan kita berjaya menguasai berbagai-bagai ilmu dan kecekapan yang dahulu tidak ada kepada kita. Dengan meningkatkan lagi usaha dan ketekunan kita, insya-Allah, matlamat kita akan menjadi kenyataan.

12. Untuk menjadi sebuah negara maju, negara perlu mengekalkan kestabilan politik, perpaduan dan kemajuan ekonomi yang terdapat sekarang. Kita semua hendaklah terus meningkatkan kerjasama dan perpaduan. Kita juga hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap pihak-pihak yang cuba merosakkan perpaduan kaum di negara kita. Jika kita tidak bersatupadu, matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan terjejas. Saya yakin rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kestabilan serta inginkan kemajuan tidak akan membuat apa-apa yang boleh mengancam dan merosakkan keharmonian yang kita nikmati sekarang.

13. Perayaan Hari Kebangsaan sungguh bererti kepada kita semua. Ia memberi peluang kepada kita untuk merenung kembali sejarah perjuangan negara menuntut kemerdekaan daripada penjajah, di samping menilai pencapaian kita dalam tempoh 35 tahun kita memerintah diri sendiri. Dengan mengingati dan memahami sejarah perjuangan rakyat dan negara, kita, terutamanya yang lahir selepas merdeka, akan lebih menghargai erti kemerdekaan. Ia juga akan memberi kesedaran kepada kita akan betapa pentingnya kita hidup bebas daripada belunggu penjajahan. Kita harus ingat penjajahan masih boleh berlaku walaupun dalam bentuk lain.

14. Sepertimana pemimpin-pemimpin kita yang memperjuangkan kemerdekaan dahulu mempunyai wawasan untuk membebaskan negara daripada penjajahan, kini kita juga telah membentuk satu wawasan untuk membawa negara ke suatu tahap kemajuan yang lebih tinggi.

15. Insya-Allah, dengan pengemblengan tenaga semua lapisan rakyat serta usaha yang bersungguh-sungguh, hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan tercapai. Wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.